

PEMAHAMAN, AMALAN DAN PERMASALAHAN GURU PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)  
DALAM KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)

NORHASLINA BINTI ADAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PEMAHAMAN, AMALAN DAN PERMASALAHAN GURU PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)  
DALAM KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)

NORHASLINA BINTI ADAM

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengkukuran dan Penilaian)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2013

## DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين والصلاة والسلام على الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه اجمعين

Dengan rasa penuh kesyukuran kehadiran Allah Taala di atas segala rahmat dan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan tugas penyelidikan ini.

Terstimewa buat.....

**Ayahanda Adam bin Wahab dan bonda Azizah binti Salleh**  
Ayahanda **Md Darom bin Ujer** dan bonda mertua **Aishah binti Abd Aziz**  
yang sentiasa dikasihi, disanjung, dihormati dan dikagumi.

Terima kasih di atas segala perjuangan, kebaikan, kasih sayang, doa, sokongan, dan pengorbanan kalian selama ini yang sentiasa mengiringi pahit getir perjalanan hidup anakandamu ini. Hanya Tuhan sahaja yang Maha mengetahui segalanya dan dapat membalasnya.

Buat suami yang sentiasa dicintai, disayangi dan dikasihi..

**Mohd Adib bin Md Darom**

yang sentiasa berada disisi menemaniku dalam melalui pelbagai dugaan dan rintangan bersama. Sesungguhnya dirimu anugerah terindah dalam hidup ini.

Buat kekanda dan adinda-adindaku sekalian....

**Norzanita & Alimi, Nooranizah & Sayfunizam, Noorazua & Mohd Aliff Firdaus,**  
**Noorhazwani....**

**Zarif Irfan, Sofea Aqila, Muhamad Azhad Irsyad,**  
**Adnin Imani & Addin Iman.....**

Kalian pembakar semangat dan penghibur diri ini.....

Buat Pensyarah yang dihormati, dikagumi dan disayangi

**Dr. Hamimah binti Abu Naim**

Terima kasih yang tidak terhingga di atas segala bantuan, bimbingan, sokongan, kasih sayang dan kesabaran yang sentiasa diberikan. Semoga Allah sentiasa merahmati pengorbananmu dan kebaikanmu.....Sekian Terima Kasih. Wassallam...

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran ini kehadratnya dengan limpah kurnianya yang tidak terhingga telah memberikan keizinanNya untuk penulis menyempurnakan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr. Hamimah Binti Abu Naim selaku penyelia penyelidikan ini yang sentiasa memberikan nasihat, tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, sokongan dan bantuan yang tidak terhingga sehingga penulis dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Jutaan terima kasih juga ditujukan istimewa buat semua pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia di atas ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan. Selain itu, ribuan terima kasih ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pelajaran Daerah Pontian, pengetua-pengetua dan guru-guru di daerah Pontian yang terlibat dalam memberikan kerjasama untuk menjayakan penyelidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan khas buat ibu, ayah, ahli keluarga, suami dan keluarga mertua yang dikasihi sekalian yang tanpa jemu mendoakan kejayaan dan menjadi perangsang dalam meniti kehidupan ini. Akhir sekali buat teman seperjuangan, terima kasih diucapkan atas kerjasama dan bimbingan yang sentiasa diberikan. Semoga kejayaan ini membawa seribu pengertian buat kita semua.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kefahaman Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dari segi tahap pemahaman, tahap amalan dan permasalahan yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam semasa melaksanakan PBS di sekolah masing-masing. Selain itu, kajian ini juga mengkaji perbezaan tahap pemahaman GPI berdasarkan jantina serta melihat sama ada terdapat hubungan antara tahap pemahaman dengan tahap amalan dan permasalahan di kalangan mereka. Seramai 70 orang GPI yang terdiri daripada 16 buah sekolah di daerah Pontian, Johor telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Soal selidik yang mempunyai nilai *Alpha Cronbach* 0.8027 digunakan untuk mengukur tahap pemahaman, tahap amalan dan tahap permasalahan GPI dalam pelaksanaan PBS dalam KBSM, dan seterusnya perbezaan dan hubungan tahap kefahaman GPI ditentukan. Kefahaman GPI diukur menggunakan analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala perbezaan tahap pemahaman ditentukan menggunakan analisis statistik inferensi iaitu ujian *-t*. Bagi mendapatkan hubungan tahap pemahaman dengan tahap amalan dan permasalahan pula, ujian Korelasi Pearson telah digunakan. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tahap pemahaman, tahap amalan dan permasalahan yang dihadapi oleh GPI berada pada tahap sederhana iaitu dengan keseluruhan (min=3.62). Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang jelas di antara tahap pemahaman dan amalan guru dengan nilai ( $r=0.342, p=0.004<0.01$ ) dan hubungan yang sederhana tetapi kuat dengan nilai ( $r=-0.443, p=0.000<0.01$ ) di antara tahap pemahaman dengan tahap permasalahan GPI terhadap pelaksanaan PBS di sekolah. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pemahaman GPI berdasarkan jantina terhadap pelaksanaan PBS dengan nilai ( $t=0.695, p<0.490$ ). Terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjutan telah dinyatakan bagi memantapkan lagi Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan insan yang seimbang perkembangannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan bukan bergantung kepada tahap pencapaian peperiksaan mereka semata-mata.

## ABSTRACT

This study aims to explore the understanding of Islamic studies teachers (GPI) in the implementation of the School-Based Assessment (SBA) in the New Curriculum for Secondary Schools (KBSM) in terms of the level of understanding, level of practices and problems faced by the Islamic teachers when implementing PBS in their respective school own. In addition, this study also examined the differences GPI level of understanding based on gender and see if there is a correlation between the level of understanding, level of practices and problems among them. A total of 70 people GPI consists of 16 schools in the district of Pontian, Johor were randomly selected for the study. Questionnaire, which has 0.8027 *Cronbach Alpha* value used to measure the level of understanding, level of practices and the level of problems in the implementation of PBS GPI in the KBSM, and the next level of understanding of the differences and relationships GPI determined. GPI understanding measured using descriptive statistical analysis, frequency, percentage, mean and standard deviation. To get an understanding of the relationship with the level of problems, the Pearson correlation test was used. The findings showed that the level of understanding, level of practices and problems faced by the GPI is at a medium level of overall (mean = 3:62). The study showed that there is a clear relationship between the level of understanding of the level of implementation of PBS with value ( $r=0.342, p=0.004<0.01$ ) and moderation relationship but strong value that ( $r=-0.443, p=0.000<0.01$ ) between the level of understanding of the level of GPI problems in school. There was no significant difference in the level of understanding on the implementation of gender based GPI PBS with value ( $t = 0.695, p < 0.490$ ). There are some suggestions for further research are described to further strengthen implementation of the School-Based Assessment for the realization of the Ministry of Education to create a well-balanced human development in terms of the Physical, Emotional, Spiritual and Intellectual not dependent on the level of their examination alone.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	JUDUL	i
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SINGKATAN	xv
	LAMPIRAN	xvi
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1. Pengenalan	1
	1.2. Latar Belakang Masalah	3
	1.3. Pernyataan Masalah	4
	1.4. Objektif Kajian	7
	1.5. Persoalan Kajian	8
	1.6. Hipotesis Kajian	9
	1.7. Kepentingan Kajian	10
	1.8. Skop dan Batasan Kajian	12
	1.9. Definasi Istilah	11

1.9.1	Pemahaman	12
1.9.2	Amalan	13
1.9.3	Permasalahan	13
1.9.4	Guru Pendidikan Islam (GPI)	13
1.9.5	Pelaksanaan	14
1.9.6	Pentaksiran	14
1.9.7	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	15
1.9.8	Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)	16
1.10.	Kerangka Konsep Kajian	17
1.11	Kesimpulan	19
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Pengukuran dan Pentaksiran Dalam Pendidikan	21
2.2.1	Pengujian	21
2.2.3	Pengukuran	22
2.2.3	Penilaian	23
2.2.4	Pentaksiran	24
2.2.5	Tujuan Pentaksiran	25
2.3	Transformasi Pentaksiran Dalam Pendidikan	26
2.4	Keperluan Kepada Perubahan Sistem Pendidikan	29
2.5	Konsep Pentaksiran	31
2.6	Prinsip Asas Pentaksiran	32
2.7	Jenis-jenis Pentaksiran	35
2.8	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	36
2.8.1	Pernyataan Dasar	37
2.8.2	Komponen Pentaksiran PBS	40



2.8.3	Standard Prestasi PBS	42
2.8.4	Pengurusan dan Pengendalian PBS	44
2.8.5	Pementoran	46
2.8.6	Penyelarasan	47
2.8.7	Pemantauan	49
2.8.8	Pengesanan	50
2.8.9	Carta Alir Dalam Pelaksanaan PBS	52
2.9	PBS Pendidikan Islam	58
2.9.1	Matlamat Kurikulum Pendidikan Islam	58
2.9.2	Objektif Kurikulum Pendidikan Islam	58
2.9.3	Dokumen Standard Prestasi Pendidikan Islam	59
2.9.4	Pernyataan Standard PBS Pendidikan Islam Tingkatan 1 dan 2	60
2.10	Kajian-kajian Terdahulu	61
2.11	Kesimpulan	64
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	65
3.2	Rekabentuk Kajian	66
3.3	Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian	68
3.3.1	Populasi	68
3.3.2	Sampel	68
3.3.3	Lokasi	69
3.4	Instrumen Kajian	69
3.4.1	Soal Selidik	70

3.5	Kajian Rintis	73
3.6	Pengumpulan Data Kajian	75
3.7	Analisis Data	76
	3.7.1 Statistik Deskriptif	77
	3.7.2 Statistik Inferens	78
3.8	Jangkamasa Kajian	80
3.9	Kesimpulan	81

#### **4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Latar Belakang Responden	83
	4.2.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Berdasarkan Jantina	83
	4.2.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Berdasarkan Umur	84
	4.2.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	85
4.3	Dapatan Persoalan Kajian	86
	4.3.1 Dapatan Persoalan Kajian Pertama	86
	4.3.2 Dapatan Persoalan Kajian Kedua	91
	4.3.3 Dapatan Persoalan Kajian Ketiga	96
	4.3.4 Dapatan Persoalan Kajian Keempat	100
	4.3.5 Dapatan Persoalan Kajian Kelima	102
	4.3.6 Dapatan Persoalan Kajian Keenam	103

4.4	Analisis Deskriptif Tahap Pemahaman, Amalan dan Permasalahan Guru Pendidikan Islam dalam PBS dalam KBSM	104
4.5	Kesimpulan	106
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN DAPATAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	108
5.2	Perbincangan	109
5.2.1	Perbincangan Faktor Demografi	109
5.2.2	Perbincangan Persoalan Kajian Pertama	110
5.2.3	Perbincangan Persoalan Kajian Kedua	111
5.2.4	Perbincangan Persoalan Kajian Ketiga	111
5.2.3	Perbincangan Persoalan Kajian Keempat	113
5.2.4	Perbincangan Persoalan Kajian Kelima	113
5.2.5	Perbincangan Persoalan Kajian Keenam	114
5.3	Rumusan dan Cadangan	115
5.3.1	Rumusan Keputusan Kajian	115
5.3.2	Cadangan Untuk Penambahbaikan	115
5.3.4	Cadangan Kajian Lanjutan	118
5.4	Kesimpulan	119
	<b>RUJUKAN</b>	<b>120-124</b>
	<b>LAMPIRAN A-C</b>	<b>125-165</b>

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Perbezaan antara pentaksiran dan penilaian	25
2.2	Matlamat, objektif dan hasil dalam transformasi pendidikan	28
2.3	Huraian Komponen PBS	40
2.4	Pernyataan standard prestasi LPM	43
2.5	Dokumen standard prestasi LPM	44
2.6	Pernyataan standard prestasi Pendidikan Islam	60
3.1	Skala likert lima mata yang digunakan	72
3.2	Pecahan item berdasarkan komponen bahagian B	73
3.3	Pekali <i>Cronbach's Alpha</i>	74
3.4	Analisis deskriptif untuk persoalan 1, 2 dan 3	77
3.5	Pengelasan tahap kecenderungan berdasarkan analisis markah min	78
3.6	Analisis inferens untuk persoalan 4, 5 dan 6	78
3.7	Garis Panduan Guilford : Kekuatan Hubungan dalam Ujian Korelasi	79
3.8	Jangka masa menjalankan kajian	80
4.1	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	88
4.2	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur	84
4.3	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar	85
4.4	Taburan darjah persetujuan responden pada tahap pemahaman	

	GPI dalam pelaksanaan PBS dalam KBSM	87
4.5	Taburan darjah persetujuan responden pada tahap amalan GPI dalam pelaksanaan PBS dalam KBSM	92
4.6	Taburan darjah persetujuan responden pada permasalahan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan PBS dalam KBSM	96
4.7	Hubungan antara tahap pemahaman dengan amalan yang dihadapi oleh GPI menggunakan Korelasi Pearson	101
4.8	Hubungan antara tahap pemahaman dengan permasalahan yang dihadapi oleh GPI menggunakan Korelasi Pearson	102
4.9	Perbezaan tahap pemahaman GPI lelaki dengan GPI perempuan menggunakan Ujian-t	104
4.10	Analisis deskriptif tahap pemahaman, amalan dan permasalahan GPI dalam PBS dalam KBSM	105

**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian	18
2.1	Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah	40
2.2	Carta alir dalam pelaksanaan PBS	
4.1	Taburan peratusan responden mengikut jantina	52
4.2	Taburan peratusan responden mengikut umur	83
4.3	Taburan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar sebagai GPI	85

**SENARAI SINGKATAN**

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DPN	Dasar Pentaksiran Negara
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPPM	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
LP	Lembaga Peperiksaan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAFA	Perkara Asas Fardu Ain
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PP	Pentaksiran Pusat
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PS	Pentaksiran Sekolah
PSi	Pentaksiran Psikometrik
SM	Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Borang Soal Selidik	126-135
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	136-139
C	Analisis Data SPSS versi 10.0	140-165



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengenalan dalam falsafah pendidikan negara banyak memberi penekanan dari aspek perkembangan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu bagi membentuk modal insan yang baik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Oleh itu sebagai seorang pendidik hendaklah sentiasa bersedia dalam pelbagai perkara termasuk memastikan matlamat pendidikan ini berjaya. Pengujian, penilaian dan pentaksiran adalah di antara beberapa konsep yang penting dalam dunia pendidikan. Ketika ini, sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan dan terlalu mengiktiraf pencapaian akademik menyebabkan penglibatan pelajar kurang dalam kokurikulum serta memberi tekanan kepada guru, ibu bapa dan pelajar berkenaan. Tekanan ke atas guru-guru menghabiskan sukatan pelajaran menyebabkan fokus pendidikan lebih kepada produk akhir dan bukannya proses pembelajaran (Asriman, 2009).

Justeru itu, kaedah pentaksiran bagi murid dilaksanakan dengan menggunakan kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di mana setiap pentaksiran yang dijalankan adalah berdasarkan kepada standard prestasi setiap matapelajaran. Guru akademik merupakan individu yang terpenting dalam menjalankan PBS kerana merekalah golongan yang banyak terlibat secara langsung dalam mengendalikan PBS.

Perlaksanaan PBS mulai tahun 2011 diyakini dapat melahirkan modal insan yang holistik serta seimbang. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) (2007), pentaksiran dalam bidang pendidikan adalah dianggap sebagai satu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menterjemah maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu. Hasil pentaksiran dinyatakan dalam bentuk skor yang sah dan boleh dipercayai untuk memastikan keadilan kepada murid serta mengekalkan kewibawaan institusi pentaksiran(Ahmad Jawahir, 2005).

PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang sedia ada terlaksana dengan memperkenalkan pentaksiran berdasarkan kepada standard yang tertentu supaya dapat diukur secara telus dan tepat mengikut kemampuan dan keupayaan setiap individu yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam sistem pendidikan ini. Sewajarnya pelaksanaan PBS ini menjadi agenda utama dalam transformasi pendidikan masa kini.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Dari zaman selepas kemerdekaan lagi, sistem peperiksaan Malaysia sering berubah-ubah. Ini sejajar dengan perubahan zaman dalam membentuk modal insan yang bertaraf dunia. Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran masih lagi berasaskan peperiksaan. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sistem pendidikan negara kita. Menurut Jamil (2005) pentaksiran tradisional gagal kerana tidak mengambil kira tentang pencapaian secara holistik dan bagaimana pelajar berupaya bekerja secara berkumpulan. Antara ciri-ciri sistem peperiksaan yang sedia ada ialah terlalu berfokuskan kuantiti, berorientasikan mata pelajaran, pensijilan one-off dan juga di dominasi oleh pusat. Terdapat terlalu banyak kekurangan dalam sistem yang sedia ada.

Menurut Sulaiman (2003), KBSR dan KBSM menuntut pembangunan menyeluruh potensi murid dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun, penekanan kepada peperiksaan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menjurus kepada menyediakan murid untuk boleh menjawab soalan peperiksaan sahaja. Malah, sistem pentaksiran murid sedia ada juga lebih mengarah kepada pentaksiran aspek intelek sahaja tanpa memberi banyak tumpuan kepada penilaian pertumbuhan dan perkembangan potensi-potensi lain. Justeru itu, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah mengenalpasti dan memperbaiki kelemahan amalan sistem pentaksiran yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Beberapa usaha penambahbaikan sedang dan telah dilakukan bagi memperbaiki kelemahan sedia ada. Antaranya ialah pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang dilihat mampu memberikan satu bentuk pentaksiran menyeluruh potensi murid dengan penekanan yang hampir sama bagi aspek potensi jasmani, emosi, rohani dan intelek. (JERI) Ini dilaksanakan melalui penggabungan hasil pentaksiran berasaskan sekolah (pentaksiran sekolah) dengan

pentaksiran peperiksaan pusat. Strategi ini turut ditambah melalui pengenalan secara meluas penggunaan ujian psikometrik dalam pengumpulan data dan maklumat tentang perkembangan dan pertumbuhan murid. Selain itu, konsep pentaksiran murid diperluaskan juga skopnya bagi merangkumi aspek penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dan aspek lain berkaitan domain keinsanan dan sahsiah murid. Maka, ini menuntut pengupayaan sekolah dan guru dalam melaksanakan proses pentaksiran pendidikan murid mereka sendiri di sekolah (Mokhtar, 2009)

Sebagai pendidik, kita hendaklah tahu kegunaan atau tujuan pentaksiran. Pentaksiran sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai pelbagai kesan kepada guru dan juga pelajar. Salah satu sebab wujudnya proses pentaksiran ini adalah untuk mengumpul maklumat. Maklumat yang dikumpul ialah dari segi tahap kefahaman pelajar dan mendapatkan maklum balas perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran sama ada positif atau negatif. Dari maklum balas yang diterima guru akan dapat tahu sejauh manakeberkesanan cara pengajaran mereka. Hasil daripada maklumat ini akan digunakan untuk memperbaiki kelemahan dari kedua-dua belah pihak pelajar dan juga guru.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Transformasi pendidikan yang dilakukan bukan sahaja bergerak seiring dengan aspirasi negara malahan usaha tersebut mengambil kira cabaran dan persaingan global pada abad ke-21 ini. Langkah kerajaan mengkaji semula sistem pendidikan negara akan meletakkan Malaysia dilandaskan terbaik bagi bersaing dengan negara-negara yang maju. Pelan yang menyediakan kerangka transformasi pendidikan secara menyeluruh mampu memacu pendidikan negara ke arah pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Datuk Mohd. Ghazali (2013) dari Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran berkata, guru sekolah rendah dan menengah di seluruh negara berhadapan dengan tugas berat menghadapi pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Tegasnya, guru perlu diberikan pemahaman yang jelas mengenai pelaksanaan PBS agar tidak timbul kecelaruan dengan membuat tanggapan negatif terhadap sistem pembelajaran baharu itu. Pihaknya perlu menyediakan program latihan yang sesuai dan mencukupi bagi meningkatkan pemahaman di kalangan guru terhadap pelaksanaan PBS sekali gus menepati hasrat kerajaan melahirkan pelajar yang lebih berkualiti (Utusan Malaysia, 22 Oktober 2013).

Guru haruslah teliti dalam menjalankan penaksiran terhadap pelajar bagi memastikan tiada pelajar yang akan tercicir dalam pembelajaran. Penaksiran yang berkualiti akan dapat menyumbangkan kepada pembentukan pelajar yang berkualiti dan berkemahiran dari semua aspek. Pada tahun 2012, semua murid tingkatan satu di sekolah menengah mengalami transformasi kurikulum dalam bentuk baru iaitu yang disebut sebagai Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan PBS adalah merupakan sistem penilaiannya.

Menurut Hilezan *et al.* (2013), lima komponen utama yang merupakan pelengkap dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) ialah pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, peperiksaan pusat, pentaksiran aktiviti jasmani dan kokurikulum dan pentaksiran psikometrik. Pelaksanaan PBS adalah termasuk dalam komponen pentaksiran pusat yang merupakan sebahagian aktiviti yang boleh membantu membawa kepada kejayaan SPPK pada masa hadapan.

Proses pendidikan perlu dilaksanakan dengan tanggung jawab, cekap dan berfokus supaya meninggalkan impak positif kepada pembangunan ilmu, kemahiran dan akhlak di kalangan pelajar. Salah satu komponen pendidikan yang signifikan

adalah pentaksiran. Ia merujuk kepada mekanisme atau proses yang dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Sulaiman (2003) berpendapat guru yang kurang pemahaman tentang pelaksanaan dan konsep PBS akan menyukarkan mereka untuk merancang strategi bagi menjalankan PBS. Selain itu, isu guru pelaksana PBS mengajar tidak mengikut opsyen sebenar dan guru tidak terlatih merupakan isu yang sering di persoalkan kerana kompetensi guru sebagai pembimbing dan pemudahcara dalam melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah yang kurang profesional. Hal ini disebabkan oleh faktor mereka kurang mahir dalam subjek yang bukan opsyen dan keadaan ini akan menghasilkan penaksiran yang tidak berkualiti.

Guru akademik merupakan individu yang penting dalam menjalankan PBS kerana merekalah yang akan menjalankan atau mengendalikan PBS. Terdapat isu yang timbul mengenai guru akademik sebagai pelaksana PBS iaitu guru kurang pemahaman tentang pelaksanaan dan konsep PBS, guru mengajar tidak mengikut opsyen yang sebenar, guru yang tidak terlatih dan persepsi guru terhadap PBS (Salmiah, 2011).

Terdapat segelintir guru yang menganggap PBS sebagai beban kepada mereka. Persepsi guru ini disokong oleh Musa (2008) yang menyatakan bahawa kebanyakan guru merasakan perubahan pendidikan telah meningkatkan beban kerja mereka. Guru bukan sahaja perlu mengajar tetapi juga melakukan kerja-kerja pentadbiran dan kokurikulum. Guru juga perlu mentaksir dan mengajar dalam masa yang sama. Asriman (2009) juga menyatakan perkara yang sama bahawa PBS menambah beban tugas guru di sekolah yang memang telah dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran dan kokurikulum. Ini menyebabkan guru melaksanakan pentaksiran sebagai satu produk dan bukan sebagai satu proses.

Kecekapan guru dilihat sebagai tunggak utama dalam merealisasikan matlamat sesuatu perubahan yang dibuat terutamanya dalam sistem pendidikan ini. Oleh yang demikian, tahap pemahaman dan tahap amalan dari kalangan guru yang merupakan golongan pelaksana sekolah sangat diperlukan dan diharapkan agar matlamat dan hala tuju PBS seterusnya SPPK tidak akan menyimpang daripada tujuan asalnya. Guru sekolah diharapkan dapat memahami sedalam-dalamnya dan sejelas-jelasnya konsep, prinsip dan prosedur pelaksanaannya serta bijak menyelesaikan semua permasalahan yang timbul walaupun berbeza dari segi faktor jantina atau pun faktor pengalaman mengajar di sekolah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk :

- i. Menenalpasti tahap pemahaman guru pendidikan islam tentang pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di daerah Pontian, Johor.
- ii. Menenalpasti tahap amalan guru pendidikan islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di daerah Pontian, Johor.
- iii. Menenalpasti permasalahan yang timbul dari kalangan guru pendidikan islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di daerah Pontian, Johor.
- iv. Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dan amalan yang dihadapi oleh guru pendidikan islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- v. Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dan amalan yang dihadapi oleh guru pendidikan islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

- vi. Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dan permasalahan yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- vii. Mengetahui adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pemahaman guru berdasarkan jantina dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?

### **1.5 Persoalan Kajian**

Terdapat enam persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini dan ianya dibahagikan mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

- i. Apakah tahap pemahaman Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Pontian?
- ii. Apakah tahap amalan GPI dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Pontian?
- iii. Apakah permasalahan yang dihadapi oleh GPI semasa pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Pontian?
- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dengan amalan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?



- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dengan permasalahan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pemahaman GPI lelaki dengan GPI perempuan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah pernyataan ramalan penyelidik tentang hasil penyelidikan. Hipotesis kajian ini dibentuk bagi menjawab beberapa persoalan berdasarkan objektif kajian. Kaedah penganalisan statistik inferensi akan digunakan bagi membuka ruang untuk menguji semua hipotesis di bawah dan mencari keputusan serta merta sejauhmana objektif kajian yang keempat, kelima, keenam dan ketujuh dapat dicapai. Jika aras signifikan sama atau lebih daripada  $\rho$  (0.05) maka hipotesis nol akan ditolak dan hipotesis alternatif akan diterima (signifikan). Jika aras signifikan kurang daripada  $\rho$  (0.05) maka hipotesis nol diterima dan hipotesis alternatif akan ditolak (tidak signifikan). Hipotesis kajian adalah seperti berikut :

### *Hipotesis 1*

Nol : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi tahap pemahaman dengan amalan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan PBS di sekolah.

Alternatif : Terdapat hubungan yang signifikan bagi tahap pemahaman dengan amalan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan PBS di sekolah.

### ***Hipotesis 2***

Nol : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi tahap pemahaman dengan permasalahan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan PBS di sekolah.

Alternatif : Terdapat hubungan yang signifikan bagi tahap pemahaman dengan permasalahan yang dihadapi oleh GPI dalam pelaksanaan PBS di sekolah.

### ***Hipotesis 3***

Nol : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pemahaman GPI lelaki dengan GPI perempuan dalam pelaksanaan PBS di sekolah.

Alternatif : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pemahaman GPI lelaki dengan GPI perempuan dalam pelaksanaan PBS di sekolah.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang memfokuskan kepada tiga persoalan utama iaitu mengenalpasti tahap pemahaman, tahap amalan dan permasalahan yang timbul di kalangan guru dalam pelaksanaan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Selain itu, kajian ini juga ingin mengkaji sama ada terdapat perbezaan di antara tahap pemahaman dengan amalan, tahap pemahaman dengan permasalahan di kalangan guru serta perbezaan tahap pemahaman mengikut jantina.

Hasil kajian ini di harap dapat memberikan gambaran sebenar dan maklum balas berkaitan dengan pemahaman guru dalam pelaksanaan PBS. Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak-pihak terlibat untuk :

- a) Membantu pihak tertentu seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPG), nazir sekolah dan Bahagian Buku Teks (SPBT) untuk merangka kursus atau latihan yang sesuai kepada guru-guru khususnya yang mengajar mata pelajaran yang mempunyai komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- b) Membantu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), dan Pejabat Pelajaran Gabungan (PPG) menjalankan program-program yang dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru.
- c) Membantu pihak pengurusan atau pentadbir sekolah merangka aktiviti yang dapat membantu menangani permasalahan yang berlaku di peringkat sekolah.
- d) Sebagai panduan dan persediaan kepada guru-guru untuk memahami konsep pentaksiran dengan jelas dan tepat di samping membantu dalam melaksanakan pentaksiran dengan lancar dan sebaiknya diperingkat sekolah khususnya.
- e) Menjadi panduan dan rujukan kepada bakal pengkaji lain untuk menjalankan kajian lanjutan yang berkaitan dengan PBS.

## **1.8 Skop dan Batasan Kajian**

Skop dan batasan kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Kajian ini hanya terbatas kepada Guru Pendidikan Islam yang mengajar PBS tingkatan satu dan tingkatan dua sahaja.
- ii. Kajian ini dijalankan ke atas sekolah menengah dalam daerah Pontian sahaja.
- iii. Kajian ini hanya memberi fokus kepada tiga aspek sahaja iaitu tahap pemahaman, tahap amalan dan permasalahan yang timbul dari kalangan GPI dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah serta melihat perbandingan di antara jantina.
- iv. Pemboleh ubah luar yang tidak dapat dikawal adalah seperti latar belakang responden, lokasi sekolah dan budaya sekolah.

## **1.9 Definisi Istilah**

Definisi istilah merupakan senarai istilah atau konsep yang digunakan dalam kajian. Beberapa istilah penting yang perlu difahami penggunaannya dalam kajian ini adalah seperti berikut :

### **1.9.1 Pemahaman**

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 405), istilah pemahaman ialah perihal memahami, apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauhmana sesuatu itu difahami, atau sesuatu tanggapan. Berdasarkan maksud pemahaman

untuk kajian ini, pemahaman bererti sejauhmana GPI memahami tentang Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan bagaimana cara atau amalan mereka dalam menyokong pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini di sekolah masing-masing.

### **1.9.2 Amalan**

Istilah amalan pula ialah sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan sebagai suatu kebiasaan pada praktiknya atau pada kebiasaannya. Berdasarkan maksud amalan untuk kajian ini merujuk kepada sejauhmana amalan GPI dalam pelaksanaan PBS di sekolah. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007: 42).

### **1.9.3 Permasalahan**

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 1002), maksud permasalahan pula ialah sesuatu atau segala-gala yang menjadi masalah, pelbagai masalah dan persoalan. Permasalahan dalam kajian ini merujuk kepada maksud masalah-masalah yang timbul atau masalah yang dihadapi berdasarkan situasi dan pengalaman mereka semasa mereka menjalankan PBS di sekolah mereka masing-masing.

### **1.9.4 Guru Pendidikan Islam**

Menurut Ahmad (1997) guru pendidikan Islam bermaksud golongan yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik dan pemimpin dengan mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah dan rohaniah manusia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang

bersumberkan wahyu al-Quran dan sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT.

### **1.9.5 Pelaksanaan**

Pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan, menjalankan, mengusahakan rancangan, tugas dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007: 871).

### **1.9.6 Pentaksiran**

Penaksiran atau pentaksiran berasal daripada perkataan Greek "Assidere" yang bermaksud "duduk bersama" dengan pelajar dan mengesahkan respon dengan apa yang dimaksudkan. Dalam kata lain, pentaksiran ialah satu proses mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat penghakiman tentang produk sesuatu proses pendidikan(Hilezan *et al.* 2013).

Selain itu, menurut Abd Wahid *et al.* (2009), mengikut pakar dan penulis buku yang terkenal dalam bidang berkenaan iaitu David Payne dalam bukunya *Applied Educational Assessment* edisi kedua tahun 2003, pentaksiran ialah integrasi proses mengumpul maklumat, menginterpretasi maklumat atau memberi nilai kepada maklumat itu dan membuat keputusan berdasarkan interpretasi yang dibuat ke atas maklumat. Seterusnya, menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2000), pentaksiran dalam bidang pendidikan ialah dianggap sebagai suatu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menterjemah maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu. Hasil pentaksiran dinyatakan dalam bentuk skor. Skor mestilah sah

dan boleh dipercayai untuk memastikan keadilan kepada murid serta mengekalkan kewibawaan institusi pentaksiran.

Selain itu, menurut National Council of Teaching Mathematics, 1995 pentaksiran membawa maksud “*assessment is the process of gathering evidence about a student’s knowledge of, ability to use, and disposition toward mathematics and of making inferences from that evidence for a variety of purposes.*” (National Council of Teaching Mathematics, 1995)

Secara kesimpulannya, pentaksiran boleh diertikan sebagai proses pengumpulan maklumat yang melibatkan aktiviti menterjemah, merekod serta menghuraikan maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran seseorang pelajar tersebut.

### **1.9.7 Pentaksiran Berasaskan Sekolah**

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). PBS akan mentaksir bidang akademik dan bukan akademik. Selain itu, PBS akan dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksir dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP). Antara komponen PBS adalah pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dan pentaksiran psikometrik.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), PBS bukanlah sesuatu yang baru kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah (kerja rumah, projek, kuiz, soal-jawab dan lain-lain). PBS yang terbaru ini adalah lebih holistik dan memberi penekanan kepada kesemua aspek JERI iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek berbanding kepada pentaksiran sedia ada yang lebih memberi penumpuan kepada pencapaian akademik melalui peperiksaan. PBS akan mentaksir proses dan produk secara formatif dan sumatif iaitu mengamalkan konsep *assessment for learning* dan *assessment of learning*.

### **1.9.8 Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)**

Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu alternatif kerajaan bagi meningkatkan mutu pendidikan negara dengan menekankan kebolehan individu secara menyeluruh yang merangkumi aspek rohani, jasmani, emosi, intelek dan sebagainya. Usaha ke arah pelaksanaan KBSM bermula pada tahun 1980 apabila beberapa perakuan telah dikemukakan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelaksanaan Kerajaan (1979). Ianya memandangkan kurikulum yang lama kurang memberi kesan kepada para pelajar bagi menjadikan mereka sebagai warga negara bersemangat patriotik yang tinggi dan berakhlak mulia. (Tajul, 1993). Ini memandangkan kandungan di dalam kurikulum lama sekolah menengah terlalu mengambil berat tentang ilmu pengetahuan dan penekanan yang berlebihan bagi persediaan untuk pelajaran tinggi. Menyedari hakikat tersebut, kurikulum lama yang telah dijalankan di sekolah menengah telah diubahsuai supaya kesepaduan dan keseimbangan wujud dalam perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani agar pelajar dapat berhadapan dengan cabaran hidup pada masa kini dan seterusnya dapat memainkan peranan yang sepatutnya di dalam masyarakat dan negara ( Shahril *et al.* 1993).




Oleh yang demikian, KBSM telah dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1989. Bagi mengukuhkan lagi apa yang telah dipelajari di peringkat sekolah rendah, KPM khususnya telah menggunakan strategi bersepadu di peringkat menengah. Langkah ini bertujuan memastikan semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah di antara satu dengan yang lain (Mohd Salleh, 1992).

### **1.10 Kerangka Konsep Kajian**

Keberkesanan dan kejayaan dalam pelaksanaan sistem pentaksiran berasaskan sekolah ini sangat bergantung kepada sejauhmana tahap pemahaman dan penguasaan guru dalam memahami asas penentuan standard pendidikan yang telah digariskan. Ini kerana guru memainkan peranan yang sangat penting sebagai ejen kepada keberkesanan hala tuju, falsafah dan matlamat pendidikan negara di samping bertindak sebagai golongan pelaksana yang sentiasa bersedia dan patuh kepada arahan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Oleh itu, faktor pemahaman, amalan dan permasalahan yang dihadapi oleh guru di dalam sesebuah sekolah adalah sangat berkait rapat dengan sejauhmana guru dapat memahami dan menguasai secara mendalam asas penentuan standard yang ditetapkan oleh KPM .

Contohnya seperti pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Bgai memastikan pelaksanaan PBS ini benar-benar mematuhi dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan digariskan oleh KPM, maka pihak kementerian perlu memastikan bahawa guru-guru yang terlibat diberi pendedahan, pengetahuan dan pemahaman yang secukupnya agar standard yang ditetapkan seperti penerapan Misi Nasional, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam dan objektif dan matlamat pendidikan Islam dikuasai oleh guru-guru terlebih dahulu. Ianya sangat penting bagi menjamin pelaksanaan PBS mengikut standard yang

ditetapkan. Kefahaman, amalan dan permasalahan guru pendidikan Islam dalam memahami standard kurikulum, kaedah pentaksiran, proses pengajaran dan pembelajaran dan kaedah penilaian, pelaporan dan pemulihan dalam pelaksanaan PBS perlu diberi perhatian serius bagi memastikan kerkesanan dan kejayaan dalam pelaksanaan sistem PBS ini. Kerangka konsep kajian telah dibina seperti Rajah 1.1 berikut :



**Rajah 1.1** : Kerangka Konsep Kajian Pelaksanaan PBS

## **1.11 Kesimpulan**

Bab ini secara keseluruhannya menerangkan dengan jelas mengenai latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan rasionalnya kajian ini perlu dijalankan. Batasan dan skop kajian serta definisi istilah telah dijelaskan supaya dapatan kajian akan lebih menjurus kepada persoalan kajian yang hendak dicapai.

## RUJUKAN

- Abd Wahid Mukhari & Yuszaida Yusof (2009). *Tahap Kefahaman Kriteria Dan Masalah Guru Terhadap Penilaian dan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup (KH) Di Daerah Segamat, Johor*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ahmad Jawahir Tugimin (2005). *Perkaitan Antara Kepuasan Kerja Dengan Tekanan Kerja Dalam Kalangan Tenaga Pengajar Teknikal dan Industri di Kolej Universiti Malaysia*. Kertas Kerja: Universiti Teknikal Malaysia Melak
- Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi & Metodologi*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Selangor.
- Annoynamous. (2012). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Dimuat turun pada 15 September 2013 daripada [http://ms.wikipedia.org/wiki/Falsafah\\_Pendidikan\\_Kebangsaan](http://ms.wikipedia.org/wiki/Falsafah_Pendidikan_Kebangsaan).
- Asriman Kassan (2009). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Keningau, Sabah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azizi Ahmad (2011). *Pengukuran Dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Open University Malaysia, Selangor.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan, Teori, Analisis Interpretasi Data*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing.
- Bernama (2011). *DPM School-Based Assessment System To Address Dropout Problem*. Dimuat turun pada 5 September 2013 daripada <http://www.malaysiandigest.com/component/content/article/38-health/26823-dpm-school-based-assessment-system-to-address-dropout-problem.html>

Bhasah Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Quantum Books, Tanjong Malim, Perak.

Chua Yan Piaw (2006). *Penyelidikan Pendidikan. Buku 1. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi. Modul Pengajaran*. Cetak ratu Sdn. Bhd, Johor.

Gay, L. R. (1981). *Education Research, 2nd Edition*. London: A Bell & Howell Company

Helen, W. (1998). *Classroom Assessment: A Dimension of Purpose and Procedures*. Journal for Sciences, Mathematic and Technology Education Reasearch, pp. 75-87.

Hilezan Zainal, Parimalarani Sivasubramaniam & Tan Kim Lan (2013). *Amalan Pentaksiran Dalam Matematik*. Freemind Horizons Sdn.Bhd, Kuala Lumur.

Ismadiah Omar (2011). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Kawasan Gelang Patah, Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Jamil Adimin (2005). *Sistem Pentaksiran Kebangsaan : Suatu Perseptif Baru*. Pendidik Bil 21/2006.

Jamil Adimin (2011). *Peperiksaan VS Pentaksiran*. Dimuat turun pada 5 September 2013 daripada [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps\\_01.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps_01.htm)

Kamus Dewan (2007). *“Kamus Dewan.”* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2009). *Pengenalan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) Dalam Transformasi Pendidikan*. Mesyuarat Pengurusan Pendidikan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) Bilangan 2 / 2009. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Bahagian Pembangunan Kurikulum, *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Bahagian Pembangunan Kurikulum, *Pelaksanaan PBS untuk Penambahbaikan UPSR dan PMR mulai Tahun 1 pada 2011 dan Tingkatan 1 pada 2012*. Kuala Lumpur
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2007). *Modul Penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (Pentaksiran Berasaskan Sekolah)*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011). *Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Rendah*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya.
- Mazuien Misran. (2013). *Pemahaman, Amalan dan Permasalahan Guru Penolong Kanan Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah..* Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan. Edisi Ketujuh*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar (2011). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah, Edisi Kedua*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Mohamed Sani (2009). *Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah di Sekolah-Sekolah Swasta di Malaysia*: Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.

- Mohd Anuar & Rosli (2007). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mohd Musa Shaharuddin (2008). *Kepimpinan Guru Besar dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Salleh Lebar (1992). *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Nurin Enterprise. Kuala Lumpur.
- Mokhtar Ismail (2009). *Pentaksiran Pendidikan*. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Norsiwati Ibrahim (2012). *Kesediaan Guru Matematik Tahun Satu Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Di Daerah Kluang*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia) (1980), *Pusat Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Falsafah Pendidikan Negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Salmiah Jaba. (2011). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Dimuat turun pada 27 Ogos 2013 daripada <http://www.salmiahjaba.com/page2/page6/files/PBS.pdf>
- Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som (1999). *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Shamsina Shamsuddin (2013). *Penggubalan Item Ujian Kearah Pelaksanaan PBS Berkesan*. Freemind Horizons Sdn.Bhd, Kuala Lumpur.

- Sulaiman Abd Rahman (2003). *Pentaksiran Kerja Amali Sains Berdasarkan Sekolah : Satu Tinjauan Di Beberapa Sekolah Menengah Di Daerah Segamat*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Page 89-104.
- Syed Ismail Syed Mustafa& Ahmad Subki Miskon (2013). *Guru dan Cabaran Semasa*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, Selangor.
- Tajul Ariffin Nordin (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Universiti Teknologi Malaysia (1989). *Panduan Menulis Tesis Untuk Pelajar UTM*. Perpustakaan Sultanah Zanariah. Johor Bahru.